

'Kami lebihutamakan riadah'

Penduduk bertegas tanah lapang dikekalkan untuk aktiviti masyarakat, bukan bina jalan

NORAFIZA JAAFAR

AMPANG - Penduduk Kampung Pasir Hulu Kelang membantah tanah lapang yang mereka digunakan sebelum ini untuk menjalankan aktiviti masyarakat dan riadah dibangunkan kepada pembinaan jalan.


Difahamkan tanah lapang itu telah didirikan gelanggang sukan, taman permainan dan empat buah gerai oleh penduduk.

Projek jalan itu adalah susulan pembinaan tiga lagi blok pangsupuri di kawasan itu iaitu satu terbengkalai dan dua lagi masih belum dibina.

Pengerusi Persatuan Belia Kampung Pasir Hulu Kelang, Bukhari Mohd Thani berkata, sejak tanah milik kerajaan seluas 40 kaki itu dipagar pada 2012 penduduk menghadapi kesukaran menjalankan aktiviti termasuk riadah.

Menurutnya, penduduk melahirkan perasaan kecewa kerana pengambilan tanah dan pembangunan tapak itu tidak dibincangkan bersama penduduk terlebih dahulu.

"Pembangunan di sini terlalu padat sehingga tiada tanah lapang untuk penduduk berkumpul sementara kanak-kanak pula kini bermain di atas jalan ekoran taman permainan me-



Rizab jalan diambil untuk menghubungkan ke projek perumahan.

reka diambil.

"Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) seharusnya mengutamakan kebajikan penduduk berbanding keuntungan," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Sebelum ini katanya, bantahan sama pernah dibuat namun terkilang kerana suaranya tidak diendahkan malahan pernah diserang oleh pihak tertentu sehingga laporan polis terpaksa dibuat untuk tujuan keselamatan.

"Perkara ini telah dibawa kepada banyak pihak termasuk pejabat

menteri besar, wakil rakyat dan juga MPAJ tetapi tiada tindakan susulan diterima.

"Kami membuat bantahan aman pada hari ini sebagai mengikuti prosedur dan tidak mahu insiden tidak diingini berlaku serta berharap kawasan lapang itu diberikan kepada penduduk," katanya.

Sementara itu, Pengerusi JKKKP Kampung Pasir, Mohd Razi Ayop meminta supaya pelan asal iaitu pembinaan jalan menghubungkan projek perumahan dengan laluan utama dibina



Penduduk membuat demonstrasi tidak mahu tanah lapang diambil untuk dibina jalan.

di atas tanah pemaju dikekalkan.

"Kita hairan kenapa pelan pindaan dibuat kerana pelan asal sebelum ini lebih baik iaitu tidak menggunakan laluan kampung dan keluasanya adalah lebih besar berbanding tanah kerajaan yang sekarang kera ini.

"Malahan pelan pindaan juga tiada kelulusan iaitu tidak ditandatangani mana-mana pihak turut menimbulkan persoalan perubahan pelan dibuat," katanya.

Seorang penduduk, Sazali Mohd Tani, 47, berkata, dia melahirkan ke-

bimbangan keselamatan anak-anak sejak tanah lapang yang digunakan sebelum ini diambil menyebabkan golongan itu bermain di atas jalan.

"Saya tidak setuju tanah itu diambil untuk pembinaan jalan kerana berisiko kepada penduduk terutamanya anak-anak dan pelajar sekolah yang berjalan kaki.

"Aktiviti penduduk juga kini dilakukan di kawasan surau dan ia dilihat kurang sesuai kerana dikhuatiri mengganggu jemaah selain ruang yang terhad," katanya.